

Kementerian sedia perjelas

Oleh Kadir Dikoh

BH 10 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad akan menjelaskan secara terperinci konsep Sekolah Wawasan dan akan memberi jaminan ia tidak akan menjejaskan identiti sekolah aliran Cina, apabila menemui pihak yang meragukannya minggu depan.

Katanya, meskipun beliau tidak akan memberi jaminan itu dalam bentuk hitam putih seperti diminta pihak tertentu, pertemuan itu nanti diharapkan boleh mengikis sedikit keraguan mereka.

"Kebimbangan kemungkinan identiti itu hilang timbul kerana mereka belum lagi menghayati sepenuhnya konsep Sekolah Wawasan.

"Saya akan berjumpa dengan mereka yang masih ragu mengenai peranan sekolah itu dan saya harap dapat berjumpa dengan mereka minggu hadapan," katanya kepada pemberita selepas melawat Menara Berkembar Petronas di sini bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Moha-

Sekolah Wawasan dijamin tidak akan menjejaskan identiti sekolah aliran Cina

mad dan anggota Kabinet lain, hari ini.

Beberapa pihak termasuk pergerakan pendidikan Cina 'Dong Jiao Zhong' sebelum ini menyuarakan hasrat bertemu Musa bagi menyelesaikan kekeliruan berhubung konsep Sekolah Wawasan.

Malah, ada pihak meminta jaminan hitam putih bahawa pelaksanaan Sekolah Wawasan tidak akan menjejaskan identiti sekolah aliran Cina.

Musa berkata, persoalannya ialah mereka yang terbabit harus mempunyai kepercayaan penuh terhadap konsep itu dan bekerjasama bagi menjayakannya.

"Dengan cara ini, tidak perlulah diadakan perjanjian hitam putih, perkara macam itu tak perlu bagi saya," katanya.

Pada 25 Julai lalu, semua 14 parti komponen Barisan Nasional bersejua menyokong penubu-

han Sekolah Wawasan dalam usaha memperkukuhkan hubungan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Melalui konsep itu, tiga buah sekolah berlainan aliran akan ditempatkan dalam satu kawasan dan menggunakan kemudahan asas seperti padang permainan, dewan perhimpunan dan kantin yang sama.

Musa berkata, konsep sedemikian sebenarnya sudah lama diamalkan di beberapa sekolah di Pahang dan Johor cuma ia tidak dikenali sebagai Sekolah Wawasan.

Katanya, sekolah baru berdasarkan konsep itu akan dimulakan dengan pembinaan tujuh sekolah baru sebagai projek perintis, tidak lama lagi.

"Kita lihat kejayaannya dulu dan selepas itu kita boleh merancang untuk memperluaskannya ke semua negeri," katanya.